



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGAPLIKASIAN PETA ALIR TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID TAHUN LIMA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGAPLIKASIAN PETA ALIR TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID TAHUN LIMA

SITI SURAYA BINTI HARIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14/2/2023

Student's Declaration:

Saya, SITI SURAYA BINTI HARIS, M20161000133 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk KESAN PENGAPLIKASIAN PETA ALIR TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID TAHUN LIMA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..




Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya Profesor Madya Dr Zulkifli Bin Osman dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN PENGAPLIKASIAN PETA ALIR TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID TAHUN LIMA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU).

PROF MADYA DR. ZULKIFLI H.J. OSMAN
 Pensyarah
 Jabatan Bahasa & Keusasteraan Melayu
 Fakulti Bahasa & Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

14/2/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN PENGAPLIKASIAN PETA ALIR TERHADAP PENCAPAIAN
PENULISAN KARANGAN NARATIF MURID TAHUN LIMA

No. Matrik / Matric's No.: M20161000133

Saya / I: SITI SURAYA BINTI HARIS

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

PROF MADYA DR. ZAINAL HU. OSMAN
Penyelia
Institut Bahasa & Komunikasi Malaysia
Fakulti Bahasa & Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 14/2/2023

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi. Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana berkat limpah dan kurniaNya akhirnya dapat saya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Profesor Dr. Zulkifli Bin Osman selaku penyelia saya kerana membimbang dan memberi panduan kepada saya sepanjang menyiapkan kertas projek ini. Ribuan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang banyak membantu. Terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada ahli keluarga terutama ibu bapa saya kerana banyak membantu dan memahami saya sepanjang menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat suami dan putera-puteri yang dikasih kerana sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk saya menyiapkan tugas ini. Selain itu, ribuan terima kasih juga kepada pihak sekolah yang sudi memberi kebenaran kepada saya dalam proses menyiapkan tugas ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan tugas ini. Segala jasa dan budi baik kalian akan sentiasa saya kenang. Semoga penulisan ilmiah ini dapat membantu manapun pihak yang bercadang menggunakan kertas projek ini sebagai sumber rujukan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pengaplikasian peta alir terhadap penulisan karangan naratif murid tahun lima. Reka bentuk kajian kuantitatif berdasarkan kaedah kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini. Kaedah kuasi eksperimen dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian murid sebelum dan selepas rawatan. Kajian ini dijalankan selama lapan minggu yang melibatkan 60 orang murid di sebuah Sekolah Kebangsaan di daerah Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Sampel murid terdiri daripada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan terdiri daripada 30 orang murid begitu juga dengan kumpulan kawalan. Praujian dan pascaujian dijalankan terhadap kedua-dua kumpulan. Kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan aplikasi peta alir, manakala kumpulan kawalan diajar tanpa menggunakan peta alir. Bagi mendapatkan data kesan pengaplikasian peta alir terhadap skor penulisan karangan murid, analisis Ujian-t 2 Sampel Bersandar terhadap perbezaan skor min pencapaian karangan digunakan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferentif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian peta alir berupaya meningkatkan tahap gred cemerlang karangan naratif murid dalam kumpulan rawatan selepas intervensi peta alir dilaksanakan berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min karangan naratif murid dalam kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan yang tidak menggunakan pengaplikasian peta alir. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penggunaan peta alir dapat meningkatkan skor karangan khususnya karangan naratif Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah. Kesimpulannya, peta alir boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan jenis naratif peringkat sekolah rendah bagi meningkatkan tahap penulisan karangan murid.





EFFECT OF FLOW MAP APPLICATION IN A NARRATIVE ESSAY FOR THE YEAR FIVE

ABSTRACT

This study aimed to examine the effects of the flow map application on year-five students' narrative essay writing. A quantitative research design based on a quasi-experimental method was used in this study to identify the difference in the achievements before and after treatment. This study was conducted for eight (8) weeks involving 60 students of a national primary school in Wangsa Maju, Kuala Lumpur, who were assigned to a treatment group and a control group, with each consisting of 30 students. Pre- and post-testing were carried out in both groups. The treatment group was taught with materials consisting of a flow map, while the control group was taught the same materials without such a map. An independent samples t-test was used to determine whether the difference in students' achievements before and after treatment was significant or not. Data analyzed using descriptive and inferential statistics. The findings showed that the use of the flow map was able to improve the level of achievement in narrative essay writing among students in the treatment group. The same findings also showed that there was a significant difference in the mean scores of narrative essay students in the treatment group, as opposed to students in the control group who were taught using the conventional method. These findings have some implications on the current practice in that the use of flow map can help improve Malay narrative essay writing at the primary school level. In conclusion, flow maps can be used in the teaching and learning of narrative essay writing to improve students' essay writing skills at the primary school level.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---

KANDUNGAN	iv
------------------	----



SENARAI JADUAL	x
-----------------------	---

SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xiii
--------------------------	------

SENARAI LAMPIRAN	xiv
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	9





1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.7.1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	11
1.7.2	Sekolah	11
1.7.3	Guru	12
1.7.4	Murid	12
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	14
1.9.1	Penulisan Karangan Naratif	14
1.9.2	Pencapaian Murid	14
1.9.3	Kesan Peta Alir Terhadap Penulisan Karangan	15
1.9.4	Peta Alir	16
1.10	Rumusan	16

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	17
2.2	Penulisan Karangan Bahasa Melayu Sekolah Rendah	17
2.2.1	Kemahiran Menulis Karangan Sekolah Rendah	19
2.2.2	Jenis Penulisan Karangan Bahasa Melayu Sekolah Rendah	22
2.3	Penulisan Karangan Naratif	23
2.4	Kedudukan Penulisan Naratif dalam Peperiksaan Bahasa Melayu Sekolah Rendah	24
2.5	Peta Alir Sebagai Scaffolding dalam Pengajaran dan Pembelajaran	26





2.6 Scaffolding Sebagai Sokongan Instruksional Interaktif	29
2.7 Peta Pemikiran	30
2.8 Peta Pemikiran dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	30
2.9 Kesan Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pengajaran Bahasa/Bahasa Melayu	32
2.9.1 Kesan Penggunaan Peta Pemikiran terhadap Proses Menghasilkan idea	34
2.9.2 Kesan Penggunaan Peta Pemikiran terhadap Proses Meningkatkan pencapaian	35
2.9.3 Kesan Penggunaan Peta Pemikiran terhadap Proses Kemahiran Berbahasa	36
2.9.4 Kesan Penggunaan Peta Pemikiran terhadap Proses Mengubah Tingkah Laku	37



2.10 Kesan Peta Alir Terhadap Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu	37
2.11 Kerangka Teori Kajian	40
2.12 Kerangka Konseptual Kajian	42
2.13 Rumusan	44

BAB 3**METODOLOGI**

3.1 Pendahuluan	45
3.2 Reka Bentuk Kajian	45
3.2.1 02 pascaujian diberikan kepada kedua-dua kumpulan	47
3.3 Sampel Kajian	47
3.4 Instrumen Kajian	48
3.4.1 Praujian	49





3.4.2	Pascaujian	50
3.4.3	Peta Alir	51
3.4.4	Soalan Karangan	52
3.4.5	Rancangan Pengajaran Harian	55
3.5	Penskoran Markah Karangan Praujian dan Pasca	56
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	58
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.8	Penganalisisan Data	61
3.9	Kesahanan dan Kebolehpercayaan	62
3.10	Rumusan	63

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	64
4.2	Latar Belakang Responden	65
4.3	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Sebelum Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	65
4.3.1	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Sebelum Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran Dilaksanakan bagi Kumpulan Kawalan	66
4.3.2	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Sebelum Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran Dilaksanakan bagi Kumpulan Rawatan	66
4.3.3	Ringkasan Dapatan Soalan Kajian 1	67
4.4	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Selepas Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	68





4.4.1	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Selepas Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran Dilaksanakan bagi Kumpulan Kawalan	68
4.4.2	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Selepas Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran Dilaksanakan bagi Kumpulan Rawatan	69
4.4.3	Ringkasan Dapatan Soalan Kajian 2	69
4.5	Perbandingan Pencapaian Karangan Naratif Murid dalam Praujian dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	70
4.5.1	Ringkasan Dapatan Soalan Kajian 3	72
4.6	Rumusan	73

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pendahuluan	74
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	74
5.3	Perbincangan	76
5.3.1	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Sebelum Intervensi Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	78
5.3.2	Tahap Pencapaian Karangan Naratif Selepas Intervensi Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	80
5.3.3	Perbandingan Pencapaian Karangan Naratif Murid Dalam Praujian Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	82
5.4	Implikasi Kajian	83
5.4.1	Implikasi terhadap Murid	83
5.4.2	Implikasi terhadap Guru	85
5.4.3	Implikasi terhadap Sekolah	86





5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	87
5.6 Rumusan	89
RUJUKAN	90
LAMPIRAN	96





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Reka bentuk Penyelidikan	46
3.2 Reka bentuk Kajian	47
3.3 Jumlah Subjek Kajian bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	48
3.4 Penskoran Markah Karangan (Ubah Suai)	56
3.5 Prosedur Pelaksanaan Kajian Fasa 1	58
3.6 Prosedur Pelaksanaan Kajian Fasa 2	59
3.7 Pengumpulan Data Praujian	60
3.8 Pengumpulan data Pascaujian	60
3.9 Analisis Data	62
4.1 Demografi Responden bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	65
4.2 Tahap Pencapaian Karangan Naratif sebelum Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran Dilaksanakan bagi Kumpulan Kawalan	66
4.3 Tahap Pencapaian Karangan Naratif Sebelum Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran Dilaksanakan bagi Kumpulan Rawatan.	67
4.4 Tahap Pencapaian Karangan Naratif Selepas Intervensi Pengajaran Dan Pembelajaran Dilaksanakan Bagi Kumpulan Kawalan	68





4.5	Tahap Pencapaian Karangan Naratif selepas Intervensi Pengajaran dan Pembelajaran Dilaksanakan bagi Kumpulan Rawatan	69
4.6	Perbandingan Pencapaian Karangan Naratif Murid dalam Praujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	71
4.7	Perbandingan Pencapaian Karangan Naratif Murid dalam Praujian dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan	71
4.8	Perbandingan Pencapaian Karangan Naratif Murid dalam Praujian dan Pasca bagi Murid Kumpulan Rawatan	72
4.9	Perbandingan Pencapaian Karangan Naratif Murid dalam Pascaujian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	72
4.10	Rumusan Dapatan Soalan Kajian 3	73





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Binaan Plot	24
2.2 Kerangka Teori Kajian.	41
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	43
2.4 Kerangka Konsep Penggunaan Peta Alir	44
3.1 Peta alir	51
3.2 Contoh soalan karangan yang telah disemak	54
3.3 Contoh jawapan intervensi yang dibimbing oleh guru.	54
3.4 Contoh rancangan pengajaran harian	56





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SP	Standard Pembelajaran
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI LAMPIRAN

- A Analisis Dapatan Kajian
- B Surat Kebenaran KPM Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah,
- C Surat Lantikan Guru Mengajar Bahasa Melayu Kelas Kawalan
- D Surat Lantikan Guru Mengajar Bahasa Melayu Kelas Rawatan
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang pelaksanaan penyelidikan ini bermula dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif-objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian yang dijalankan, batasan kajian, dan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang sangat penting di sekolah rendah dan sekolah menengah. Dalam pada itu, mata pelajaran Bahasa Melayu sewajarnya dikuasai oleh semua murid kerana mata pelajaran ini wajib lulus dalam beberapa peperiksaan penting seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Ujian





Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sementalahan perkara ini telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Pada era globalisasi ini, peranan Bahasa Melayu sangat meluas sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Oleh hal yang demikian, Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah memainkan peranan yang penting dalam memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran murid yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Selain itu, berdasarkan *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran* (DSKP), Bahasa Melayu Tahun 5 (2014), pelbagai kemahiran diterapkan seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Oleh sebab wujudnya kepelbagaian kemahiran, pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pemahaman dan penulisan.

Bagi pembelajaran penulisan di sekolah rendah, tugas seorang guru agak mencabar untuk memantapkan penguasaan murid dalam penulisan karangan kerana kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran kognitif yang kompleks. Kemahiran ini boleh dikuasai dengan bimbingan guru. Oleh hal yang demikian, DSKP sekolah rendah memberi penekanan terhadap kemahiran menulis. Hampir kesemua kertas ujian di negara ini memerlukan murid menjawab dalam bentuk penulisan, jadi murid yang tidak langsung menguasai kemahiran menulis ini akan menghadapi masalah untuk menjawab secara bertulis. (Noorazman, 2009 dalam Che Zanariah, & Fadzilah 2011).



Di samping itu, elemen yang terkandung dalam sukanan pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu ialah penulisan karangan. Malah murid wajib lulus dalam setiap peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun di sekolah rendah, lebih-lebih lagi dalam UPSR bagi murid Tahun 6. Melalui penulisan karangan yang dihasilkan oleh murid, guru dapat mengetahui dan menilai sejauh manakah tahap penguasaan bahasa seseorang murid.

Sementara itu, penggunaan bahan bantu mengajar dan alat bantu mengajar yang maksimum di dalam kelas amat membantu bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai serta kefahaman murid meningkat. Oleh itu, guru perlu memastikan penyampaian maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar adalah jelas dan bersistematik serta dapat diikuti, difahami mengikut tahap kesediaan murid dengan lebih baik. Konklusinya, pelbagai faedah dan manfaat yang diperolehi jika menggunakan bahan bantu mengajar sekaligus bukan hanya kepada guru sahaja bahkan kepada murid-murid itu sendiri.

Menurut Abdul Rahim & Hayazi (2010) guru sewajarnya menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dengan mendidik murid sebaik-baiknya supaya murid dapat menguasai pembelajaran yang diajar oleh guru. Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar amat penting bagi menarik minat dan meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran. Justeru, kajian telah dijalankan untuk melihat sejauh mana peta alir dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan naratif.



1.3 Pernyataan Masalah

Karangan jenis naratif merupakan salah satu kemahiran yang penting dan diberi penekanan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*, kemahiran ini diberi penekanan yang tinggi. Misalnya melalui kemahiran SP 3.3.4, iaitu “membina kerangka dan menulis karangan berbentuk naratif dengan betul”, jelas bahawa penggunaan peta alir dapat diaplikasi bagi membantu proses penulisan karangan melalui penyediaan kerangka karangan.

Namun demikian, berdasarkan *Laporan Analisis Peperiksaan Pertengahan Tahun bagi Penulisan Tahun Lima 2019* sekolah yang dikaji, didapati pencapaian murid masih berada di tahap memuaskan sahaja dan tidak mencapai sasaran yang dikehendaki oleh pihak sekolah. Murid-murid tidak dapat memberikan idea yang tepat, tahap kualiti susunan idea yang lemah, huraihan tidak jelas dan tidak memberikan contoh yang bersesuaian dengan tajuk karangan.

Kajian lalu juga mendapati murid masih lemah dan tidak mampu untuk menguasai penulisan karangan dari aspek mengembangkan idea (Abdul Rahman (2015) dalam Mohd Zikri et al. (2020), menyusun ayat dengan gramatis (Mohd Zikri et al., 2020). Malah, murid tidak boleh berfikir secara kritikal dan mengharapkan bantuan guru ketika menulis karangan (Noor Habsah & Yahya (2018). Oleh sebab itu, kajian ini akan mengaplikasikan peta alir bagi membantu murid meningkatkan pencapaian penulisan karangan naratif mereka.



Menurut kajian Izny Atikah (2012), segelintir pelajar kurang berminat terhadap sesuatu matapelajaran menyebabkan pelajar tersebut mempunyai pemikiran tertutup terhadap matapelajaran tersebut. Masalah timbul apabila pelajar enggan memberi perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dan mengehadkan aktiviti mereka di dalam kelas. Oleh itu, pelajar tidak yakin untuk menulis karangan dengan baik.

Selain itu, penulisan karangan naratif menjadi fokus kajian kerana bahagian ini menyumbangkan markah tertinggi (Suppiah 2006; Alias 2006). Oleh itu, murid-murid perlu memberi lebih tumpuan untuk mendapatkan skor yang lebih tinggi dalam peperiksaan. Menurut Zuraini (2014), kemahiran menulis juga adalah kemahiran tertinggi dalam kemahiran berbahasa. Kajian ini ingin membantu murid-murid menulis karangan dengan lebih mudah dengan mengaplikasikan peta alir. Dalam kajian Abd Aziz (2000), menyatakan Lembaga Peperiksaan Malaysia melaporkan murid-murid mempunyai kelemahan dalam aspek isi, teknik menulis dan bahasa.

Laporan Lembaga Peperiksaan (2010) dalam kajian Shahlan Surat *et al*; (2013), menyatakan bahawa jumlah murid yang berpencapaian sederhana dalam penulisan karangan adalah lebih banyak daripada yang berpencapaian cemerlang dan baik. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai kaedah masih lagi tidak dapat melonjakkan pencapaian murid ke tahap yang lebih cemerlang. Oleh itu, kajian mengenalpasti pendekatan yang berupaya untuk mengubah pencapaian murid adalah amat penting di samping melihat kemampuan dan kebolehan guru serta murid-murid untuk melaksanakan yang terbaik demi menaikkan skor pencapaian murid dalam penulisan karangan.

Menurut Rohaida & Zamri (2015), sistem persekolahan kini kurang memberi penekanan terhadap tugas memperkembangkan daya pemikiran murid di sekolah. Tumpuan murid-murid hanya lebih tertumpu kepada penyediaan maklumat dengan tujuan menyediakan murid menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukanan sahaja. Antara punca kemahiran berfikir tidak ditekankan di sekolah iaitu sesetengah guru hanya berpendapat bahawa murid-murid terlebih dahulu menguasai semua fakta dan konsep sesuatu mata pelajaran sebelum murid digalakkan berfikir. Sejajar dengan dapatan Fadillah Anak Layang & Zamri (2019), Pendidikan di Malaysia yang berorientasikan kepada peperiksaan semata-mata merupakan isu yang perlu diberikan penekanan kerana berkaitan dengan amalan pengajaran guru.

Menurut Rothman *et al.*, (2018), pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas yang masih berfokus kepada peperiksaan menyebabkan usaha untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Penekanan kepada peperiksaan telah menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada kemahiran berfikir murid sebaliknya menumpukan kepada usaha untuk menghabiskan sukanan pelajaran dan juga penguasaan teknik menjawab soalan peperiksaan. Bagi mengubah dasar kurikulum sedia ada di Malaysia, Pelan Pembangunan pendidikan telah menekankan kemahiran berfikir dan memperkenalkan peta pemikiran sebagai alat membantu proses kemahiran berfikir seterusnya menggalakkan interaksi aktif antara guru dan murid.

Peta alir adalah salah satu daripada pelbagai jenis peta pemikiran. Terdapat proses pemikiran yang tertentu bagi setiap jenis peta pemikiran yang ada. Misalnya, terdapat lapan jenis peta pemikiran yang dicadangkan dalam Program i-Think di



sekolah seperti peta bulatan, peta pokok, peta buih, peta dakap, peta alir, peta buih berganda, peta pelbagai alir dan peta titian.

Dalam kajian ini, hanya peta alir diaplikasikan dalam pengajaran karangan jenis naratif. Peta alir disifatkan sebagai mudah dihasilkan berdasarkan aktiviti yang dijalankan, bersifat mudah alih, ringan dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Peta alir yang dihasilkan juga bukan sahaja membantu murid ketika melakukan aktiviti berkumpulan tetapi juga amat berguna kepada guru-guru bagi memastikan pembelajaran di dalam kelas lebih menarik perhatian dan tumpuan murid belajar.

Peta alir diberi penekanan dalam DSKP Bahasa Melayu sekolah rendah, khususnya melalui strategi pengajaran yang dicadangkan menggunakan bahan grafik. Misalnya dalam Standard Pembelajaran (SP) 3.7.1 iaitu “kemahiran menghasilkan draf perenggan pendahuluan, isi dan penutup”, peta alir boleh digunakan bagi mencapai SP tersebut.

Namun demikian, penggunaan peta pemikiran atau peta alir di bilik darjah masih kurang dilaksanakan (Che Zanariah & Fadzilah, 2011). Kajian-kajian lain juga mendapati ramai guru masih menggunakan pendekatan tradisional atau lama dalam pengajaran bahasa khususnya pengajaran karangan (Abdul Rasid Jamian, Shamsudin, Azhar & Juanes, 2016; Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng, 2017).

Tambahan pula, penggunaan peta alir wajar dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan kerana banyak kajian lain turut mendapati peta pemikiran mahupun peta minda dapat meningkatkan pencapaian penulisan murid (Omardin, 2011; Looi Kuang Siang, 2012 & Zamri, 2014).





Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan kerana kebanyakan kajian di Malaysia memberi fokus terhadap peta pemikiran mahupun peta minda sahaja (Rohaida & Zamri, 2015; Yahya & Azmey, 2012; Wong Pui Chze 2009) dan kajian tentang kesan peta alir tidak diberikan fokus utama terhadap penulisan karangan. Sorotan kajian mendapati hanya kajian Noor Hidayu & Yahya (2016), Mohd Zikri *et al.*, (2020) memberi penekanan terhadap penggunaan peta alir dalam pengajaran karangan naratif. Oleh sebab itu, kajian ini lebih memberi tumpuan kepada kesan peta alir terhadap pencapaian karangan naratif murid. Peta alir digunakan sebagai alat bantu murid untuk menyusun idea yang difikirkan semasa proses pembelajaran. Dalam kajian ini juga, aspek idea dan pengolahan ayat diberi penekanan.

Di samping itu, penggunaan peta alir yang merupakan sebahagian daripada alat kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan sangat perlu dilakukan kerana kajian oleh Rohaida & Zamri (2015), penggunaan alat tersebut dapat merangsang kemahiran berfikir aras tinggi murid, dan seterusnya menjadikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik. Kajian ini diharap dapat membantu murid meningkatkan tahap penulisan karangan jenis naratif melalui penggunaan peta alir.

Akhirnya, dalam kajian ini, pengkaji lebih memberi tumpuan kepada peta alir dalam melihat kesannya terhadap pencapaian karangan naratif dari aspek idea dan pengolahan ayat. Peta alir digunakan sebagai alat bantu murid untuk menyusun idea yang difikirkan semasa proses pembelajaran.





1.4 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif kajian berdasarkan dari pernyataan masalah yang telah dinyatakan. Objektif-objektif adalah seperti berikut:

1. Menganalisis tahap pencapaian karangan naratif sebelum intervensi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan bagi kedua-dua kumpulan.
2. Menganalisis tahap pencapaian karangan naratif selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan bagi kedua-dua kumpulan.
3. Menganalisis perbezaan skor karangan naratif murid dalam praujian dan pasca bagi kedua-dua kumpulan.

1.5 Soalan Kajian



Soalan-soalan kajian dalam kajian ini ialah:

1. Apakah tahap pencapaian karangan naratif sebelum intervensi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan bagi kedua-dua kumpulan?
2. Apakah tahap pencapaian karangan naratif selepas intervensi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan bagi kedua-dua kumpulan?
3. Adakah terdapat perbezaan skor yang signifikan karangan naratif murid dalam praujian dan pasca bagi kedua-dua kumpulan?





1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian 3, iaitu “Adakah terdapat perbezaan skor yang signifikan karangan naratif murid dalam praujian dan pasca bagi kedua-dua kumpulan”, hipotesis nol yang berikut digunakan:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor karangan naratif murid dalam praujian dan pasca bagi kumpulan kawalan.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor karangan naratif murid dalam praujian dan pasca bagi kumpulan rawatan.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor karangan naratif murid dalam praujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor karangan naratif murid dalam pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan.



1.7 Kepentingan Kajian

Pada masa ini, terdapat pelbagai kajian seperti ini telah dijalankan untuk memberi panduan dan galakan kepada guru mata pelajaran. Hasil dapatan kajian tersebut, dapat membuka minda dan idea seseorang guru untuk menambah baik pendekatan pengajaran dalam penulisan karangan yang bersesuaian dengan keperluan, tahap kesediaan dan minat murid. Seseorang guru perlu menggunakan pendekatan yang boleh merangsang minda dan minat murid semasa proses pengajaran penulisan. Oleh sebab itu, peta alir digunakan bagi memastikan kemahiran menulis karangan telah dikuasai sepenuhnya





oleh murid. Hal ini demikian, kerana kajian lalu mendapati peta alir dapat meningkatkan tahap penulisan karangan murid.

1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Dalam merealisasikan salah satu Hasrat kerajaan dalam gelombang kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PPPM 2016-2020) iaitu memastikan setiap murid mahir dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, maka kajian ini penting untuk dilaksanakan dalam proses peningkatan penguasaan Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan secara tidak langsung dapat membantu dalam merealisasikan hasrat kerajaan ini.



1.7.2 Sekolah

Bagi pihak sekolah pula, kajian ini penting untuk dijalankan kerana dapat membantu meningkatkan prestasi akademik sekolah sekaligus dapat menaikkan Gred Purata Sekolah (GPS) dengan lebih baik. Di samping itu, bagi memastikan penggunaan peta alir berlaku di peringkat sekolah, pemimpin sekolah perlu menegaskan penggunaan peta alir kepada guru-guru agar terlaksana dengan jayanya. Tambahan lagi, jika penggunaan peta pemikiran secara berterusan oleh guru di dalam bilik darjah, ciri-ciri sekolah yang membudayakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diwujudkan malah dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan sedia ada murid. Dengan itu, sekolah akan melahirkan murid-murid yang berpengetahuan dan berkemahiran ke arah menghadapi cabaran abad ke-21



1.7.3 Guru

Kajian ini penting kerana dapat memberi maklum balas kepada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Guru juga dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan aplikasi peta alir dalam penulisan karangan naratif. Antara kepentingan kajian ini kepada guru bila dapat membantu meningkatkan sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu agar dapat berjalan dengan lancar dan interaktif. Seterusnya, peta alir digunakan juga sebagai persediaan bagi pra pengajaran kepada seseorang guru. Misalnya, guru menyediakan rajah peta alir sebelum memulakan pengajaran di dalam kelas. Guru merancang dengan baik aktiviti yang akan dijalankan agar murid dapat meluahkan idea-idea penting dalam rajah peta alir tersebut. Maka, guru perlu menggunakan peta alir untuk mengajar murid-murid menyusun idea-idea yang penting mengikut susunan yang teratur dan menjadi sebuah karangan yang baik.

1.7.4 Murid

Memberi peluang kepada murid-murid untuk menggunakan peta alir dalam proses menulis karangan dengan baik. Peta alir dapat membantu murid-murid dalam merangka isi-isi penting dan menyusunnya dengan teratur.

Oleh yang demikian, kajian ini amat penting bagi murid, guru, sekolah, jabatan dan kementerian dalam mencapai sebuah negara maju selaras dengan ekonomi yang dipacu oleh inovasi untuk mengekalkan daya saing di peringkat dunia. Untuk mencapai

matlamat ini, KPM dan Agensi Inovasi Malaysia telah sama-sama memperkenalkan projek i-Think.

Hasil dapatan daripada program tersebut, kebanyakan sekolah di Malaysia telah membudayakan inovasi peta pemikiran dalam pembelajaran sepanjang hayat. Seterusnya, melahirkan murid yang mahir dalam menyelesaikan masalah serta berupaya menghasilkan jalan penyelesaian secara kreatif di kalangan murid sekolah.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif jenis kuasi eksperimen sahaja. Dalam kajian ini sampel kajian hanya melibatkan murid-murid Tahun Lima di sebuah Sekolah Kebangsaan di Daerah Keramat, Kuala Lumpur. Kajian ini terbatas kepada 60 orang murid sahaja. Disebabkan sampel kajian ditentukan pihak sekolah, maka kebolehan dan keupayaan yang lebih kurang setara antara kedua-dua sampel kajian diambil.

Data dianalisis hanya menggunakan analisis deskriptif dan inferentif. Kajian ini menggunakan instrumen seperti lampiran peta alir, rancangan pengajaran harian dalam intervensi pengajaran penulisan karangan naratif. Dari aspek teori, hanya Teori Perkembangan Kognitif Lev Vygotsky digunakan dalam kajian ini. Kajian ini juga hanya menilai aspek idea dan pengolahan ayat dalam karangan naratif.

Dari aspek penandaan, semakan karangan dibataskan kepada aspek isi-isi penting dan huraian ayat sahaja berbanding semakan karangan biasa



1.9 Definisi Operasional

Di dalam penulisan kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan bagi menerangkan maksudnya supaya dapat difahami. Berikut merupakan definisi perkataan yang digunakan sepenuhnya dalam kajian ini.

1.9.1 Penulisan Karangan Naratif

Mahzan (2003), penulisan bermaksud perihal atau kegiatan seperti menulis. Karangan pula bermaksud ciptaan sesuatu cerita. Menurut L Spencer (2005), naratif bermaksud cerita atau kisah tentang peristiwa, pengalaman dan lain-lain. Dalam kajian ini, penulisan karangan naratif adalah karangan cerita yang ditulis oleh murid-murid dalam pengajaran Bahasa Melayu. Karangan naratif ini menceritakan tentang peristiwa, pengalaman seseorang murid dipandu dengan peta alir yang telah didedahkan dalam pengajaran dan pembelajaran sebelum intervensi.

1.9.2 Pencapaian Murid

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pencapaian bermaksud apa yang telah dicapai manakala dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua bermaksud sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan. Murid membawa maksud seseorang yang sedang belajar atau berguru. Dalam kajian ini, maksud pencapaian murid ialah tahap skor karangan naratif yang dinilai dalam praujian dan pascaujian. Pencapaian diperoleh



daripada hasil penulisan karangan naratif murid. Hasil karangan murid dinilai selepas apa yang dicapai oleh murid berdasarkan idea dan olahan ayat yang dibina.

1.9.3 Kesan Peta Alir Terhadap Penulisan Karangan

Kesan ialah satu tahap kemujaraban yang mahu dicapai (Hassan,2004). Hal ini bermaksud kesan ialah tahap penerimaan sesuatu konsep atau kaedah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Noraziah,2016). Dalam konteks ini, kesan merupakan sesuatu tindakan atau hasil yang menyebabkan sesuatu perubahan yang positif. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kesan bermaksud sesuatu yang timbul sama ada kebaikan atau keburukan daripada sesuatu tindakan.

Manakala peta membawa maksud jelas dan membuat gambar. Selain itu, menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua peta bermaksud membuat gambar atau lukisan. Alir bermaksud jalan cerita. Terhadap bermaksud berkenaan, mengenai dan tentang sesuatu hal. Dalam kajian ini, kesan penggunaan peta alir terhadap penulisan karangan jenis naratif adalah perubahan skor karangan jenis naratif murid setelah mengikuti intervensi yang dilaksanakan. Murid dapat merangka idea melalui peta alir yang disediakan, jadi guru dapat membimbing murid mengolah idea yang dihasilkan menjadi sebuah karangan yang lebih baik. Tambahan lagi, murid dapat menghasilkan karangan yang tersusun dalam bentuk perenggan yang betul.



1.9.4 Peta Alir

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, maksud peta ialah jelas dan membuat gambar. Selain itu, menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua peta bermaksud membuat gambar atau lukisan. Alir bermaksud jalan cerita. Dalam kajian ini, peta alir digunakan untuk membantu murid-murid membina kerangka karangan naratif dengan baik. Selain itu, memastikan kualiti susunan idea dan peluasan cerita dalam penulisan murid-murid. Murid-murid diberikan gambar rajah peta alir untuk mengisi isi-isi penting untuk merangka karangan naratif. Gambar rajah tersebut mempunyai 6 kotak yang perlu diisi dengan pendahuluan, 4 isi penting dan penutup.



Berdasarkan kepada perbincangan dalam bahagian-bahagian yang telah dinyatakan dalam bab 1 ini, kajian ini dijalankan khusus untuk melihat sejauh mana pengaplikasian Peta Alir dapat meningkatkan pencapaian murid-murid Tahun 5 yang dijalankan oleh penulis iaitu dengan menggunakan penyelidikan kuantitatif. Dalam melaksanakan penyelidikan, prosedur penyelidikan telah disusun dengan teratur bagi memudahkan proses penyediaan penyelidikan pendidikan dilaksanakan oleh penulis.

